

# KERTAS MODEL SPM 1

SKOR  
/130

KERTAS 1 [1103/1]

Dua jam lima belas minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua bahagian**: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.

## Bahagian A


[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada usaha-usaha untuk melahirkan masyarakat yang harmoni.

Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk melahirkan masyarakat yang harmoni. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

## USAHA-USAHA UNTUK MELAHIRKAN MASYARAKAT HARMONI



Menjalankan Persahabatan Tanpa Mengira Kaum



Belajar di Bawah Satu Bumbung



Mengadakan Majlis Rumah Terbuka 1Malaysia

**Bahagian A****Pendahuluan**

*Malaysia ialah negara yang unik – rakyatnya berbilang kaum – mengambil pelbagai inisiatif untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni*

**Isi-isi Penting**

- (a) *rakyat Malaysia hendaklah membuka suatu dimensi baharu dengan menjalinkan persahabatan tanpa mengira kaum – setiap insan dianugerahi fikrah dan emosi untuk dihargai, menghormati, dan bersedia menerima sesiapa sahaja yang dapat bertolak ansur – unsur yang menghalang perpaduan hendaklah disingkirkan daripada minda rakyat Malaysia.*
- (b) *rakyat Malaysia hendaklah menerima suatu wadah baharu dalam pendidikan negara – belajar di bawah satu bumbung dan mengikuti kurikulum yang sama – bermatlamat untuk membentuk bangsa Malaysia yang bersatu padu, berdaya saing, dan bertoleransi*
- (c) *rakyat Malaysia disarankan mengadakan Majlis Rumah Terbuka 1Malaysia – saling mengunjungi – pelbagai kaum dapat hidup bersama – mengikis perasaan sangsi dalam kalangan masyarakat*

**Penutup**

*semua golongan yang berfikiran rasional hendaklah memilih perpaduan dan keharmonian kaum – jaminan untuk terus kekal aman dan damai*

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Setiap murid pastinya mempunyai impian untuk menjadi murid yang cemerlang dalam pelajaran.

Berikan pendapat anda tentang langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk merealisasikan impian anda itu.

- 2 Anda telah menyertai pertandingan syarahan di sekolah. Tajuk syarahan anda ialah “Peranan ibu Bapa untuk Menangani Gejala Sosial dalam Kalangan Remaja”.

Tulis teks syarahan anda itu selengkapnya.

- 3 Budaya tegur-menegur, kunjung-mengunjung, dan hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat perlu disemarakkan untuk mewujudkan suasana kejiranan yang sejahtera.

Huraikan kebaikan-kebaikan yang diperoleh jika negara kita mempunyai rakyat yang mengutamakan semangat kejiranan.

- 4 Pelancongan kesihatan yang diperkenalkan di beberapa buah negara menjadi tarikan baharu industri pelancongan di negara tersebut.

Bincangkan.

- 5 Peribahasa “hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri” bermaksud sebaik-baik negeri orang, tidak sebaik negeri sendiri.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

**Bahagian B****Soalan 1**Pendahuluan

kecemerlangan dalam pelajaran menjadi wahana penting untuk mencapai kecemerlangan dalam kehidupan – memerlukan komitmen, kesungguhan, dan iltizam untuk merealisasikan impian tersebut demi masa hadapan

Isi-isi Penting

- (a) belajar dengan bersungguh-sungguh untuk menguasai mata pelajaran yang diajarkan di sekolah – bermula di bangku sekolah rendah – membuat latihan dan mengulang kaji pelajaran
- (b) mengurus masa dengan bijak – penggunaan masa yang berkualiti membolehkan setiap masa diisi dengan perkara yang bermanfaat – dapat membahagikan masa untuk mengulang kaji pelajaran dan aktiviti-aktiviti yang lain
- (c) sentiasa mendengar nasihat ibu bapa dan guru – menghormati rakan-rakan dan orang yang lebih tua – setiap usaha yang dilakukan mendapat keberkatan – memberikan tumpuan sepenuhnya pada pelajaran
- (d) menjaga dan mengutamakan disiplin pada setiap masa – seseorang yang berdisiplin tidak akan menghadapi masalah dari segi pergaulan dan perisian masa – sentiasa menjaga tingkah laku
- (e) memanfaatkan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) untuk memantapkan pemahaman bagi setiap pelajaran – mengakses maklumat daripada Internet dan laman web yang berkaitan dengan pelajaran

Penutup

kecemerlangan dalam pelajaran yang diimpikan oleh setiap murid akan menjadi kenyataan jika disertai usaha yang gigih – usaha tangga kejayaan

**Soalan 2**Pendahuluan

kata alu-aluan kepada hadirin mengikut protokol – menyatakan tajuk syarahan yang akan disampaikan – menjelaskan gejala sosial yang berlaku dalam kalangan remaja – pergaulan bebas, penagihan dadah, lumba motosikal haram, dan sebagainya

Isi-isi Penting

- (a) penegasan tentang kepentingan peranan ibu bapa dalam menangani gejala sosial dalam kalangan remaja – memupuk nilai-nilai murni dalam diri anak-anak sejak mereka masih kecil lagi – bersedia dari segi mental dan fizikal untuk menghadapi cabaran hidup
- (b) memberikan didikan agama dalam diri anak-anak sebagai benteng pertahanan diri yang dapat menghindarkan mereka daripada terlibat dalam gejala sosial – “melentur buluh biarlah waktu rebung” – sentiasa bijak dalam mengawal tingkah laku
- (c) mengawasi segala perlakuan anak-anak – membimbang mereka tentang cara-cara untuk menjalani kehidupan secara sihat tanpa terpengaruh oleh pelbagai gejala negatif yang bertentangan dengan ajaran agama dan norma masyarakat
- (d) menjadi suri teladan dan rakan karib anak-anak – berusaha untuk memahami dan menyelami jiwa anak-anak yang sedang meningkat remaja – sentiasa mempamerkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak agar segala perlakuan tersebut akan dicontoh oleh anak-anak – anak-anak akan berusaha untuk menjaga maruah ibu bapa
- (e) menyediakan kemudahan tempat tinggal yang selesa dan kondusif untuk keluarga – anak-anak berasa lebih gembira dan seronok berada di rumah daripada menghabiskan masa di luar rumah – mengelakkan mereka daripada terjerumus dalam masalah sosial

Penutup

keberkesanannya ibu bapa dalam memainkan peranan dan melunaskan tanggungjawab akan mengelakkan anak-anak remaja daripada terjebak dalam kancang gejala sosial – seruan kepada ibu bapa agar membentuk suasana yang harmoni dalam institusi kekeluargaan demi kebahagiaan setiap anggota keluarga – ucapan terima kasih

**Soalan 3**Pendahuluan

masyarakat perlu mengamalkan sikap “bagai aur dengan tebing” supaya hidup harmoni dan sejahtera – menyemarakkan budaya kunjung-mengunjung, tegur-menegur, dan hormat-menghormati untuk membentuk kawasan kejiranian yang harmoni

Isi-isi Penting

- (a) melahirkan masyarakat yang tidak bersikap mementingkan diri – sentiasa mengambil berat dan prihatin akan kebaikan jiran tetangga – mewujudkan rakyat yang berjiwa murni dan baik hati – mengutamakan kesejahteraan bersama-sama
- (b) melahirkan masyarakat yang sentiasa bersikap penyayang – melayan jiran tetangga dengan baik – mewujudkan rakyat yang penyayang terhadap masyarakat dan negara
- (c) melahirkan masyarakat yang sentiasa memahami masalah/kesusahan jiran – sentiasa bertolak ansur dalam pelbagai aspek kehidupan untuk mengekalkan kesejahteraan di kawasan kejiranian – mengutamakan sikap toleransi dan bersatu padu bagi mengelakkan perpecahan kaum
- (d) melahirkan masyarakat yang sentiasa mengutamakan persefahaman dalam setiap perkara – berganding bahu dalam mengharungi pelbagai cabaran dan tidak membezakan status dalam masyarakat
- (e) melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab dan cinta akan kedamaian – sentiasa berbaik-baik dengan jiran tetangga – tidak akan menimbulkan konflik yang boleh mencetuskan sengketa antara jiran – mewujudkan rakyat yang cinta akan negara

Penutup

semangat kejiranian dalam kalangan masyarakat perlu disuburkan kembali untuk melahirkan rakyat yang mempunyai sahsiah yang terpuji – perpaduan yang terbentuk melalui semangat kejiranian akan mewujudkan rakyat yang sentiasa berganding bahu untuk memajukan negara

**Soalan 4**Pendahuluan

pelancongan kesihatan merujuk kepada industri pelancongan di sesebuah negara yang menawarkan pelbagai kemudahan kesihatan dengan kos yang murah dan pakej pelancongan yang menarik

Isi-isi Penting

- (a) negara yang mahu mempopularkan pelancongan kesihatan perlu mengadakan publisiti melalui pelbagai cara – memuatkan semua maklumat yang berkaitan dengan pelancongan kesihatan – pakej dan harga yang ditawarkan
- (b) menyediakan khidmat pemandu pelancong yang berpengalaman – mempunyai ilmu yang berkaitan dengan bidang kaunseling dan perubatan – pelancong yang menjadi tumpuan ialah warga emas atau pesakit yang memerlukan rawatan psikologi
- (c) menyediakan khidmat doktor pakar dalam pelbagai bidang kesihatan – bijaksana semasa memberikan harapan kepada pelancong yang menghidap penyakit kronik – akan memikat hati pelancong asing – kehebatan doktor tersebut akan dibawa pulang ke negara asal mereka – menjadi tarikan
- (d) menyediakan kemudahan atau fasiliti yang bersesuaian dengan bayaran yang dikenakan – tidak wajar terlalu mengutamakan keuntungan yang besar – berpandukan prinsip dan etika perubatan yang menjurus ke arah membantu dan menyembuhkan pesakit
- (e) mendidik rakyatnya agar bersedia untuk menyambut dan melayan pelancong yang datang untuk mendapatkan rawatan – bersikap ramah-tamah dan baik hati terhadap pelancong – terapi mental kepada pesakit dalam merawat penyakit yang dihidap oleh mereka

Penutup

pelancongan kesihatan semakin popular di negara-negara maju – hospital swasta “tumbuh bagi cendawan selepas hujan” – perlu dikawal agar tidak disalahgunakan untuk tujuan tertentu

**Soalan 5**Pendahuluan

kisah Amir, seorang anak Malaysia yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang sains angkasa di Amerika Syarikat – memperoleh keputusan yang sangat cemerlang – menerima tawaran pekerjaan dengan gaji yang lumayan di sebuah syarikat di sana

Isi-isi Penting

- (a) memaklumkan keputusan untuk menerima tawaran tersebut kepada ibu dan ayah – membantah keputusan tersebut – bimbang jika Amir akan melupakan mereka dan berkahwin dengan gadis di Amerika Syarikat – Amir tetap dengan keputusannya
- (b) sejak itu, Amir menetap di Amerika Syarikat – sibuk dengan pekerjaannya – Amir berasa sangat rindu akan keluarganya – mengirimkan wang sebagai penawar rindu kepada ibu bapanya
- (c) ibu Amir tidak berputus asa memujuknya supaya menetap di Malaysia – tidak putus-putus mengirimkan surat kepada Amir untuk menyatakan perasaan rindunya terhadap Amir – Amir berbelah bahagi
- (d) Amir berkenan dengan seorang gadis – berhajat untuk mengahwini gadis tersebut – memaklumkan hasratnya kepada ibu bapanya – dinasihati agar memikirkan hasratnya itu – membatalkan hasrat tersebut kerana gadis itu terlalu bebas – bertentangan dengan budaya Timur
- (e) suatu peristiwa yang menggemparkan masyarakat dunia tiba-tiba berlaku tanpa diduga – peristiwa 11 September di New York – Amir berasa tidak selamat – membuat keputusan untuk pulang ke Malaysia

Penutup

kepulangan Amir ke Malaysia secara mengejut disambut dengan tangisan kesyukuran oleh ibu, ayah, dan anggota keluarganya yang lain – Amir gembira kerana dapat kembali ke tanah airnya yang tercinta – berbakti kepada masyarakat dan negara – bekerja sebagai pensyarah di sebuah universiti tempatan – berasa bangga walaupun menerima gaji yang lebih rendah – berkahwin dengan gadis tempatan

# KERTAS MODEL *SPM 1*

SKOR

/110

KERTAS 2 [1103/2]

Dua jam tiga puluh minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

## Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan-kepentingan tenaga mahir tempatan dan kesan terlalu bergantung pada tenaga kerja asing. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Malaysia masih memerlukan sekitar 46 peratus tenaga mahir tempatan bagi menampung kehendak pasaran untuk memacu ekonomi yang berdaya saing. Pada ketika ini, negara sekadar memiliki 28 peratus tenaga mahir tempatan, manakala tenaga kerja yang selebihnya diisi oleh warga asing. Pada hakikatnya, tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi diperlukan untuk menampung guna tenaga negara. Namun begitu, peratus tenaga kerja mahir yang melibatkan anak Malaysia adalah terlalu kecil berbanding dengan negara Jerman, Australia, dan Perancis yang memiliki tenaga kerja mahir tempatan.

Sehubungan dengan perkembangan ini, kerajaan menegaskan bahawa tumpuan terus diberikan terhadap pembangunan tenaga mahir tempatan untuk mempercepat usaha memajukan negara. Oleh sebab aset terbesar dalam usaha tersebut ialah modal insan, maka pelaburan dalam pembangunan berkenaan mampu mengeluarkan Malaysia daripada kelompok negara membangun. Langkah ini bertujuan untuk menjamin masa hadapan seluruh rakyat yang lebih baik. Kerajaan optimis untuk mencapai sasaran menghasilkan 300 ribu pekerja mahir dalam berbagai-bagai sektor. Pelbagai usaha digembleng untuk mencapai 50 peratus peningkatan tenaga mahir menjelang tahun 2020 bagi merealisasikan visi bagi menggapai status negara maju. Langkah ini mesti dilaksanakan secara drastik bagi memastikan Malaysia dapat bersaing dengan negara maju yang lain.

Untuk mempercepat usaha tersebut, pelaksanaan program teknikal melalui latihan vokasional dilipatgandakan bagi menjamin penjanaan pekerja mahir yang mampu menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Tidak dinafikan bahawa modal insan yang mempunyai ciri-ciri nilai tambah amat diperlukan untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi yang mapan. Dengan hal yang demikian, peningkatan tenaga mahir tempatan akan mengurangkan kebergantungan pada tenaga pekerja asing yang sudah pasti berupaya untuk menyediakan persekitaran ekonomi yang berdaya saing. Oleh sebab itu, golongan pekerja ini akan membebaskan Malaysia daripada kepompong negara berpendapatan sederhana. Justeru, sektor pekerjaan perlulah *bergerak dengan pantas* agar seiring dengan negara maju dari segi keupayaan untuk menyediakan modal insan yang berkemahiran tinggi.

Hasrat tersebut lebih mudah dijayakan apabila pelbagai entiti dalam masyarakat terutamanya golongan muda, penggiat industri, dan agensi pengendali tenaga kerja memberikan fokus terhadap perubahan yang berlaku dalam bidang pekerjaan di negara ini. Yang lebih penting, mereka mampu memberikan sumbangan yang terbaik kepada masyarakat dan negara. Mereka hendaklah merebut peluang untuk menjadi insan yang berjaya, terutamanya dalam usaha menguasai bidang ekonomi yang menjadi tunjang utama kejayaan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Ke Arah Modal Insan Negara Maju'  
oleh Shahrin Ramli,  
*Dewan Ekonomi, Mei 2014*

**Soalan 1: Rumusan**Pendahuluan

- Petikan membincangkan manfaat-manfaat yang disumbangkan oleh pekerja mahir yang terdiri daripada anak tempatan.
- Petikan membincangkan kebaikan-kebaikan yang diperoleh daripada tenaga kerja tempatan yang berkemahiran mengerjakan sesuatu dan impak buruk kebergantungan pada tenaga kerja asing.
- Rumusan membincangkan kelebihan-kelebihan tenaga mahir tempatan dan kesan terlalu bergantung pada tenaga kerja asing.

Isi-isi Tersurat (Kepentingan-kepentingan Tenaga Mahir)

1. Tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi diperlukan untuk menampung guna tenaga negara.
2. Pembangunan tenaga mahir tempatan penting untuk mempercepat usaha memajukan negara.
3. Tenaga mahir tempatan mampu mengeluarkan Malaysia daripada kelompok negara membangun.
4. Tenaga mahir dapat merealisasikan visi untuk menggapai status negara maju.
5. Memastikan Malaysia dapat bersaing dengan negara maju yang lain.
6. Pekerja mahir menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.
7. Tenaga mahir yang mempunyai nilai tambah amat diperlukan untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi yang mapan.
8. Peningkatan tenaga mahir tempatan akan mengurangkan kebergantungan pada tenaga pekerja asing.
9. Pekerja mahir akan membebaskan Malaysia daripada kepompong negara berpendapatan sederhana.
10. Mereka mampu memberikan sumbangan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

Isi-isi Tersirat (Kesan Terlalu Bergantung pada Tenaga Kerja Asing)

1. Negara berhadapan dengan kekangan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.
2. Malaysia terperangkap dalam lingkungan negara yang berpendapatan rendah.
3. Pertumbuhan ekonomi tidak mencapai sasaran yang diunjurkan.
4. Produktiviti syarikat berada pada tahap yang statik.
5. Tidak berlaku inovasi dalam pengeluaran produk.
6. Pengaliran wang ke luar negara akan menjelaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Kesimpulan

Kesimpulannya, anak tempatan hendaklah mengambil langkah mempersiapkan diri sebagai pekerja mahir agar guna tenaga asing dapat disifarkan.

**Soalan 2: Pemahaman**  
**[35 markah]**

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *bergerak dengan pantas*. [2 markah]  
*...maksud: bertindak dengan segera*
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa pihak harus memberikan tumpuan terhadap perubahan yang berlaku dalam sektor pekerjaan di Malaysia.  
 Siapakah pihak-pihak tersebut? [3 markah]  
*... golongan muda – penggiat industri – agensi pengendali tenaga kerja*
- (iii) Malaysia semakin menjadi tumpuan pekerja asing untuk mencari pekerjaan.  
 Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang mendorong pekerja asing semakin gairah mencari pekerjaan di Malaysia? [4 markah]  
*... banyak peluang kerja terbuka dalam pelbagai sektor ekonomi di negara kita – pendapatan lumayan yang ditawarkan dalam pelbagai sektor ekonomi – tertarik oleh sosio dan politik di Malaysia yang merupakan negara yang aman – rakyat Malaysia bersikap toleransi terhadap warga asing*

**Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sejak kembali, Tuan Booth jauh berubah. Dia tak lagi terperap di estet. Pada setiap petang, biasanya selepas solat asar, dia akan menjengah ke surau. Dia akan duduk berbual-bual, bercerita itu ini, terutama dengan Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap. Ada sekali, sewaktu Ahmad Mutawakkil balik ke kampung, Tuan Booth mengundang kami ke banglonya.

“Dia pelawa kita minum teh di banglonya,” kata Ahmad Mutawakkil. “Saya fikir, Tuan Booth ikhlas nak berbaik-baik.”

Kami terdiam, tak berani bersuara, menantikan kata putus daripada Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap.

Akhirnya, setelah agak lama buntu, Ahmad Mutawakkil meluahkan pandangan. “Selama Tuan Booth di sini, sejak dulu lagi, tak pernah dia memusuhi kita. Jadi, saya fikir atas sifat hati Melayu, orang berbudi kita berbahasa. Hati Melayu tak reti bermusuh, hati Melayu penuh dengan persahabatan.”

Dengan kata-kata hikmat itu, runtuhalah segala tembok penghalang antara kampung kami dengan estet Tuan Booth. Sekalipun tanpa Ahmad Mutawakkil, kami sudah biasa bertandang ke banglo mewah itu. Malah, ada ketikanya, majlis yang diadakan di estet itu turut disertai orang perempuan. Isteri Tuan Booth yang terkenal dengan masakannya yang sedap-sedap itu kerap menghidangi kami dengan menu Orang Putih. Lebih istimewa, pada setiap kali ada majlis perkahwinan, Tuan Booth sekeluarga pasti akan meraikan pasangan pengantin di estetnya. Ada antara kami yang agak ragu-ragu dengan perkara itu.

Dipetik daripada cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawakkil’,  
 oleh Zainal Rashid Ahmad  
 dalam antologi *Sejадah Rindu*,  
 Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, apakah perubahan sikap Tuan Booth semenjak dia kembali ke estetnya? [2 markah]  
*... dia tidak terperap di estet lagi – pada setiap petang, biasanya selepas solat asar, dia akan menjengah ke surau – dia akan duduk berbual-bual tentang pelbagai cerita dengan Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap – dia mengundang masyarakat kampung penulis ke banglonya*
- (ii) Hubungan yang baik sesama manusia wajar dijalinkan tanpa mengira bangsa dan agama.  
 Pada pendapat anda, mengapakah Tuan Booth dan isterinya menjalinkan hubungan yang baik dengan masyarakat kampung penulis? [3 markah]  
*... untuk mempererat hubungan silaturahim – untuk mengambil hati masyarakat kampung – untuk merapatkan jurang perbezaan adat resam, budaya, dan kepercayaan antara mereka*
- (iii) Jelaskan **satu** perwatakan Tuan Booth yang terdapat dalam petikan cerpen dan **satu** perwatakan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]  
*... perwatakan Tuan Booth dalam petikan cerpen: peramah dan pandai menyesuaikan diri dengan masyarakat tempatan. Contohnya, dia akan ke surau pada setiap petang untuk bersempang dan bergaul mesra dengan penduduk kampung seperti Imam Ngah Deraman.*  
*... perwatakan lain yang tidak terdapat dalam petikan: seorang yang baik hati. Contohnya, Tuan Booth membenarkan Ahmad Mutawakkil menumpang hidup di banglonya selama tiga tahun.*

### Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila bahasa. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah *perahunya olang-o leng*. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita.”

Maka kata Awi Dicu, “Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini.”

Maka segala orang Siam pun kembalilah.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
 dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
 Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *perahunya olang-o leng*. [2 markah]  
*... maksud: perahu sampannya terhuyung-hayang/terumbang-ambing/tidak stabil*
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, apakah tindakan berani yang dilakukan oleh Tun Umar? [3 markah]  
*... Tun Umar pergi menyuluh perahu Siam dengan perahunya olang-o leng – Tun Umar melanggar perahu Siam – dua tiga perahu Siam alah apabila dilanggar oleh Tun Umar*
- (iii) Maka kata Awi Dicu, “Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini.”

Apakah kesimpulan anda apabila Awi Dicu membawa tenteranya berundur dalam peperangan tersebut? [3 markah]

*... hulubalang yang tidak bijak kerana mudah terperdaya oleh andaian – bersifat penakut kerana berundur sebelum bertempur – kurang bersungguh-sungguh memikul tanggungjawab apabila mudah sahaja mengalah – tidak kreatif dalam menghadapi musuh*

**Soalan 2(d) – Puisi Tradisional**

Baca seloka di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Berbuat Istana Zaman Dahulu**

Baginda menitahkan orang besar empat,  
Membuat istana puri berkota;  
Lalu dipanggil Pawang Raja.  
Pawang mengerah orang bekerja,  
Empat puluh empat tukang dan utas,  
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,  
*Istana siap dengan alatnya;*  
Besar tersergam sembilan ruang,  
Sepuluh dengan rembat guntung,  
Sebelas dengan pancung serong,  
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,  
Tiang panjang maharaja lela,  
Tiang tengah syukur menanti;  
Galang-galangnya ular berang,  
Kasau kecil puteri menyembah,  
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,  
Bertakuk bersedelinggam,  
Berjenang berbatu kawi,  
Berselimpat ukir Jawa,  
Lilit-melilit akar Cina;  
Garam sebuku sisa jeragan,  
Bunga kenanga dimakan ular,  
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,  
Tiada orang dapat meniru:  
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

Dipetik daripada seloka ‘Berbuat Istana Zaman Dahulu’  
oleh Za’ba  
dalam antologi *Sejayah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *Istana siap dengan alatnya*. [2 markah]  
*... maksud: istana yang dilengkapi dengan segala kemudahan/prasarana*
- (ii) Pelbagai faktor harus ditentukan dan dipertimbangkan sebelum memilih atau membina tempat kediaman.  
 Pada pendapat anda, mengapa kita perlu memilih atau membina sebuah kediaman yang selamat untuk kita duduki? [3 markah]  
*... supaya penghuni rumah berasa selesa/kondusif – supaya keselamatan mereka terjamin daripada sebarang bahaya/bencana/pencerobohan – supaya masa istirahat di rumah tidak terganggu – supaya sebarang aktiviti/kerja di rumah dapat dilakukan dengan lancarnya*
- (iii) Huraikan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam seloka tersebut. [4 markah]  
*... masyarakat yang gigih dalam melakukan tugas, iaitu empat puluh empat orang tukang yang mahir menyiapkan istana raja dengan gigihnya walaupun mereka terpaksa bekerja siang dan malam – masyarakat yang terdiri daripada golongan rakyat yang taat setia tanpa berbelah bahagi kepada pemerintah, iaitu orang besar berempat setia dan patuh akan arahan raja untuk membina sebuah istana yang baharu*

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) gempur – gembur
  - Kawasan persembunyian kumpulan pelampau di bahagian utara republik itu kena **gempur** awal pagi semalam hingga tidak ada yang bersisa.
  - Pekerja-pekerja mencangkul tanah supaya **gembur** sebelum menugal biji benih jagung di ladang milik Persatuan Peladang Berkelompok Ara Condong.
- (ii) mengeji – menguji
  - Seseorang yang suka **mengeji** orang lain itu jelas menggambarkan ketidak sempurnaan sahsiahnya sendiri.
  - Kesukaannya menceritakan hal-hal yang tidak benar tentang keluarga kami selama ini benar-benar **menguji** kesabaran saya.
- (iii) pelalian – pelarian
  - Pihak berkuasa kesihatan di negara ini telah menetapkan bahawa semua kanak-kanak hendaklah diberikan suntikan **pelalian** penyakit campak.
  - Rakyat sesebuah negara yang berhadapan dengan peperangan rela hidup sebagai **pelarian** untuk menyelamatkan diri daripada persengketaan di tanah air sendiri.

[6 markah]

- (b) Gabungkan ayat-ayat di bawah ini supaya menjadi **tiga ayat** sahaja dengan menggunakan kata hubung yang sesuai tanpa mengubah maksud asalnya.

Cerun yang tidak diselenggara dengan baik menjadi punca kejadian tanah runtuh. Kejadian itu mengancam nyawa manusia. Saluran air yang tersumbat menyebabkan penahan cerun retak. Keretakan itu akan memecahkan dinding penahan cerun. Penduduk di kawasan berhampiran cerun wajar melakukan pemantauan cerun secara berkala. Tindakan itu dilakukan untuk memastikan saluran air tidak tersumbat. Air yang bertakung menyebabkan dinding penahan cerun akan runtuh pada bila-bila masa.

[6 markah]

- (i) Cerun yang tidak diselenggara dengan baik menjadi punca tanah runtuh hingga mengancam nyawa manusia.
- (ii) Saluran air yang tersumbat menyebabkan penahan cerun retak dan memecahkan dinding penahan cerun.
- (iii) Penduduk di kawasan berhampiran cerun wajar melakukan pemantauan secara berkala untuk memastikan saluran air tidak tersumbat kerana air yang bertakung itu menyebabkan dinding penahan cerun akan runtuh pada bila-bila masa.

(c) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kami masih berasa was-was sama ada hendak mempercayai kisah sedih yang dikata oleh orang yang baru kami kenali itu atau sebaliknya.

*Kesalahan ejaan: was-was – waswas*

*Kesalahan dari segi imbuhan: dikata – dikatakan*

- (ii) Pegawai-pegawai awam yang menyalahgunakan kuasa akan berhadapan dengan tindakan tegas sekiranya sengaja terlibat dalam ketiresan pembiayaan projek yang di bawah kendali mereka.

*Kesalahan ejaan: ketiresan – ketirisan*

*Kesalahan dari segi imbuhan: kendali – kendalian*

- (iii) Keracunan makanan mudah berlaku jika hal itu dipandang remeh oleh penyediaan makanan dan pengguna engan memasak makanan di rumah.

*Kesalahan ejaan: engan – enggan*

*Kesalahan dari segi imbuhan: penyediaan – penyedia*

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Isu harga daging yang kian meningkat memerlukan pembangunan daging kebangsaan industri untuk meluaskan bidang pemeliharaan di negara ini.

*Kesalahan penggunaan kata/istilah: pemeliharaan – penternakan*

*Kesalahan tatabahasa: daging industri kebangsaan – industri daging kebangsaan*

- (ii) Perompak warga asing menyasarkan kegiatan di kawasan perumahan kaya yang telah mereka pastikan penghuninya keluar bekerja dan tiada sesiapa pun berada di rumah ketika itu.

*Kesalahan penggunaan kata/istilah: perumahan kaya – perumahan mewah*

*Kesalahan tatabahasa: mereka pastikan – dipastikan oleh mereka*

- (iii) Dunia perniagaan sering berhadapan dengan situasi timbal balik selain tidak menjanjikan keuntungan semata-mata pada para peniaga.

*Kesalahan penggunaan kata/istilah: timbal balik – pasang surut*

*Kesalahan tatabahasa: pada – kepada*

[6 markah]

(e) Baca maksud peribahasa di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan **peribahasa yang sesuai dengan maksud peribahasa tersebut**.

- (i) Kalau malas berusaha, tentu mengalami kerugian besar dalam kehidupan.

*Segan bergalah hanyut serantau*

- (ii) Dua orang atau pihak yang sama darjat dalam adat.

*Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi*

- (iii) Hendak melakukan sesuatu sesuatu, tetapi tidak berdaya.

*Hendak hinggap tidak berkaki, hendak terbang tidak bersayap*

[6 markah]

**Soalan 4: Novel**  
**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhani Matdarin
- (ii) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (iii) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (iv) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (v) *Songket Berbenang Emas* karya Khairudin Ayip
- (vi) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (vii) *Bimasaksti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

- (a) Dalam sesebuah novel, pengarang mengetengahkan pelbagai peristiwa dan isu berdasarkan satu tema. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan tema dan **satu** contoh peristiwa yang menggambarkan tema tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel tersebut. [8 markah]

**Soalan 4: Novel**

- (a) *Tema dan contoh peristiwa:*

*Novel Jendela Menghadap Jalan*

... Tema – kecekalan gadis dalam menempuh berbagai-bagai ujian dan rintangan

... Contoh peristiwa – Sepanjang Lili berada di Kampung Sentosa, dia tidak pernah menghubungi ibunya di Kuala Lumpur untuk mengadu nasib atau berkongsi masalah. Sebaliknya, dia berusaha sedaya upaya menempuh semua ujian tersebut dengan penuh kecekalan dan semangat yang kental.

*Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa*

... Tema – keberanian anggota tentera dalam mempertahankan tanah air

... Contoh peristiwa – Leftenan Adnan telah menunjukkan keberanian dan kecekalan sejak kecil serta mendapat dorongan daripada bapanya untuk menjadi askar. Keperwiraan beliau terbukti apabila beliau berjuang menentang musuh hingga penghujung nyawa.

*Novel Pantai Kasih*

... Tema – ketabahan wanita dalam menghadapi cabaran dan tekanan hidup dalam usahanya melupakan peristiwa hitam yang sering menghantui fikirannya

... Contoh peristiwa – Raiha tabah menghadapi konflik dan tekanan setelah kematian anak tunggalnya yang turut sama terkorban dalam suatu kebakaran kereta walaupun peristiwa hitam itu sering kali menghantui fikiran dan perasaannya.

*Novel Di Sebalik Dinara*

... Tema – persaingan dalam penciptaan sains dan teknologi sehingga menghapuskan nilai kemanusiaan

... Contoh peristiwa – Pada awalnya, Karl dapat menerima Medina atau Marilyn sebagai pembantu penyelidiknya. Namun begitu, dia berasakan Marilyn lebih hebat lalu dia mula merancang sesuatu untuk melenyapkan pesaingnya itu.

*Novel Songket Berbenang Emas*

... Tema – kegigihan gadis dalam menempuh pelbagai cabaran dan dugaan

... Contoh peristiwa – Peristiwa Dahlia yang gigih menjaga adik-adiknya ketika ibunya, Saleha yang disahkan menghidap penyakit kemurungan itu terpaksa menerima rawatan pemulihan di Hospital Permai, Johor Bahru.

**Novel Tirani**

... Tema – kegigihan wanita dalam menempuh pelbagai cabaran dan dugaan dalam membangunkan industri pelancongan di Sarawak dan permasalahan dalam hubungan interpersonal  
 ... Contoh peristiwa – Waheeda gigih mengembangkan sayap perniagaannya apabila dia berani membuat pinjaman baharu untuk membeli Chalet Iwana-Iwani yang terletak di Cameron Highlands dengan meletakkan nama yang baharu, iaitu Chalet Aya-Sajinah.

**Novel Bimaksakti Menari**

... Tema – cinta akan alam sekitar  
 ... Contoh peristiwa – Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik berusaha membuat pencerapan terhadap populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan. Mereka juga berusaha membuat kajian berkaitan dengan pencemaran cahaya di Kuala Selangor.

**Novel Silir Daksina**

... Tema – konflik kekeluargaan  
 ... Contoh peristiwa – Abdullah bin Kayan bercerai dengan isterinya dan terpisah dengan anak kandungnya akibat konflik yang timbul antaranya dengan bekas isterinya. Konflik itu berpunca daripada cinta Abdullah bin Kayan terhadap seni zapin.

**(b) Satu nilai kemanusiaan:****Novel Jendela Menghadap Jalan dan Novel Songket Berbenang Emas**

... dalam novel *Jendela Menghadap Jalan*  
 ... Nilai keberanian. Contohnya Geetha dan Lili berani mendaki puncak bukit pada lewat petang semata-mata untuk melihat pemandangan matahari terbenam tanpa ditemani oleh orang lelaki dewasa.  
 ... dalam novel *Songket Berbenang Emas*  
 ... Nilai kesabaran. Contohnya, Embong bersabar dengan kata-kata kesat dan tuduhan Aton yang menuduhnya sebagai perancang kematian Said ketika dia menziarahi jenazah anaknya itu.

**Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa dan Novel Tirani**

... dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*  
 ... Nilai kerajinan. Contohnya, Adnan rajin membantu ayahnya bekerja di sawah dan menoreh getah pada setiap pagi walaupun baru berusia 10 tahun.  
 ... dalam novel *Tirani*  
 ... Nilai keberanian. Contohnya, Waheeda berani menanggung risiko dengan membuat pinjaman baharu daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan bagi membeli Chalet Iwana-Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya, iaitu Pak Cik Abdul Aziz Imran.

**Novel Pantai Kasih dan Novel Bimaksakti Menari**

... dalam novel *Pantai Kasih*  
 ... Nilai kerajinan. Contohnya, Raiha rajin belajar hingga berjaya mengambil jurusan perubatan di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan dan akhirnya berjaya menamatkan pengajian dan bekerja sebagai doktor perubatan.  
 ... dalam novel *Bimaksakti Menari*  
 ... Nilai bertanggungjawab. Contohnya, Nurul Hafsa berpendapat bahawa dia bertanggungjawab untuk mengembalikan bintang-bintang ke Kuala Selangor semula.

**Novel Di Sebalik Dinara dan Novel Silir Daksina**

... dalam novel *Di Sebalik Dinara*  
 ... Nilai kasih sayang. Contohnya, hubungan kasih sayang antara dua orang adik-beradik yang cukup jelas antara Farisha dengan Azraai. Azraai sangat mengambil berat perihal keselamatan adiknya sehingga dia sanggup memasang “retinal scanner” dan interkom yang bersambung ke rumahnya.  
 ... dalam novel *Silir Daksina*  
 ... Nilai bersimpati. Contohnya, Tauke Lim (Tauke Ong) yang membawa diri dan keluarganya dari Ipoh telah dibantu oleh datuk kepada Haiqal, iaitu datuk kepada Aiman (Haiqal) dengan mengizinkan Tauke Lim menoreh di kebun getahnya secara bahagi dua.